



**KEJOHANAN SUKAN STAF
ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA
PERATURAN AM**



1.0 NAMA

1.1 Kejohanan ini dinamakan **Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Awam Malaysia.**

1.2 Singkatan bagi kejohanan ini dikenali sebagai **SUKUM.**

2.0 PENGURUSAN

2.1 Kejohanan ini akan dikelolakan oleh satu Jawatankuasa Pengelola yang akan ditubuhkan oleh Universiti yang menjadi tuan rumah mengikut giliran pengelolaan yang ditetapkan.

2.2 Jawatankuasa Pengelola akan dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal dan Akreditasi. Jawatankuasa ini dianggotai oleh universiti - universiti yang dilantik mengikut penggiliran yang telah diputuskan seperti berikut berdasarkan penggiliran tuan rumah SUKUM sehingga tahun 2020 :-

Zon 1	Zon 2	Zon 3
UTM	UITM	UTHM
UPSI	UMP	UNISZA
UMS	UPM	USM
UIAM	UM	UNIMAS
UMK	UPNM	UUM
UMT	UTEM	USIM

3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

3.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut undang-undang permainan Antarabangsa yang dikuatkuasakan dan akan di guna pakai melainkan sekiranya ada peraturan khas lain yang menguasai Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan dalam pentafsiran bahasa maka undang – undang permainan antarabangsa dalam Bahasa Inggeris akan di guna pakai.

4.0 KELAYAKAN STAF

4.1 Staf tetap

Semua staf tetap Universiti yang sedang berkhidmat sepenuh masa dan menerima gaji bulanan dari Universiti.

4.2 Lain-lain staf

4.2.1 Staf Kontrak/Sambilan yang telah berkhidmat dengan universiti ***tidak kurang daripada 6 bulan daripada tarikh kejohanan*** (mengikut bulan)

4.2.2 Manakala staf Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) 1 tahun 6 bulan (tertakluk kepada surat atau dokumen pengesahan Kementerian Pertahanan Malaysia). Staf-staf tersebut adalah tertakluk kepada senarai di bawah yang perlu dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal sebulan sebelum tarikh kejohanan bagi tujuan pengesahan dan pemprosesan kad akreditasi untuk diberi kepada peserta semasa lapor diri.

4.2.3 Seorang staf adalah layak sebagai seorang pemain universiti berkenaan setelah disokong oleh Ketua/Pengarah Pusat Sukan dan disahkan oleh Bahagian Sumber Manusia Universiti berkenaan seperti di dalam Borang Pendaftaran Pasukan

4.2.4 Semua peserta dikehendaki membawa bersama kad staf sepanjang SUKUM dijalankan. Jawatankuasa Teknikal dan Akreditasi adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Kad Akreditasi kepada semua pegawai dan pemain yang mengambil bahagian. Penggunaan Kad Akreditasi adalah **DIWAJIBKAN** sepanjang kejohanan berlangsung.

4.3 Bagi Kategori Veteran

4.3.1 Umur Bagi Kategori Veteran Lelaki adalah **40 tahun** dan ke atas berdasarkan tahun kelahiran (pada tahun kejohanan).

4.3.2 Umur bagi kategori Veteran Wanita adalah **35 tahun** dan ke atas berdasarkan tahun kelahiran (pada tahun kejohanan).

4.4 Seseorang pemain yang dikenakan tindakan tatatertib dan sedang menjalani hukuman atau digantung oleh mana- mana badan di bawah maka pemain tersebut tidak layak bertanding. Badan-badan terlibat adalah seperti berikut:

4.4.1 Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM)

4.4.2 Majlis Sukan Badan Berkanun

4.4.3 Persatuan Sukan Kebangsaan

5.0 KAD AKREDITASI

5.1 Jawatankuasa Teknikal dan Akreditasi adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Kad Akreditasi kepada semua pegawai dan pemain yang mengambil bahagian.

5.2 Penggunaan Kad Akreditasi adalah **DIWAJIBKAN** sepanjang kejohanan berlangsung.

5.3 Kad pekerja asal mesti dibawa Bersama semasa pengambilan Kad Akreditasi. Sekiranya Kad pekerja asal hilang, perlu mendapatkan surat pengesahan dari bahagian Sumber Manusia Universiti masing-masing.

5.4 Pertukaran/Penggantian Kad Akreditasi

5.4.1 Denda Kelewatan (14 hari sebelum taklimat pengurus pasukan) akan dikenakan denda sebanyak RM 10.00 setiap pertukaran.

5.4.2 Denda Kelewatan (7 hari sebelum taklimat pengurus pasukan) akan dikenakan denda sebanyak RM 20.00 setiap pertukaran.

5.4.3 Pertukaran pemain yang mengalami kecederaan boleh dibuat kurang daripada 7 hari sebelum taklimat pengurus pasukan dengan disertakan pengesahan dari pihak Pusat Kesihatan Universiti masing-masing berserta bayaran sebanyak RM 20.00.

6.0 PENDAFTARAN DAN YURAN PENDAFTARAN

6.1 Bilangan Atlet/Pegawai

6.1.1 Bilangan pegawai dan peserta mengikut jenis-jenis sukan adalah seperti berikut:

PERMAINAN	FORMAT	ATLET		PENGURUS JURULAT IH	YURAN PENYERTAAN (RM)
		LELAKI	WANITA		
Yuran Pendaftaran Wajib					RM 3,000.00
Badminton Lelaki	BER	13		2	RM 1,500.00
Badminton Wanita	BER		9	2	
Berbasikal MTB	IND	8		2	RM1,500.00
Berbasikal RB	IND/BER	8	3	2	
Bola Jaring	BER		12	2	RM 1,000.00
Bola Tampar Lelaki	BER	12		2	RM 1,000.00
Bola Tampar Wanita	BER		12	2	RM 1,000.00
Bola Sepak Senior	BER	22		3	RM 2,500.00
Bola Sepak Veteran	BER	22		3	RM 2,500.00
Catur Lelaki	IND/BER	7		2	RM 1,000.00
Catur Wanita	IND/BER		7	2	RM 1,000.00
Dart Lelaki	IND	8		2	RM 150.00/Peserta
Footgolf	IND/BER	8	2	2	RM 200.00/Peserta
Futsal Lelaki	BER	14		3	RM 1,000.00
Futsal Wanita	BER		14	3	RM 1,000.00
Golf	IND/BER	8		2	RM 400.00/Peserta
Hoki Lelaki	BER	18		2	RM 1,000.00
Memanah	IND/BER	8	8	3	RM 150.00/Peserta
Olahraga	TERBUKA	MENGIKUT ACARA		4	RM 100.00/Peserta
Petanque	IND	8	8	2	RM 150.00/Peserta/Acara
Pingpong	IND/BER	9	3	2	RM 150.00/Peserta/Acara
Sepak Takraw	BER	14		2	RM 2,000.00
Tenpin Boling Lelaki	IND/BER	5		2	RM 1,500.00
Tenpin Boling Wanita	IND/BER		5		RM 1,500.00

6.2 Pengesahan Penyertaan Kontinjen

Setiap kontinjen hendaklah membuat pengesahan penyertaan menerusi Jawatankuasa Teknikal & Akreditasi mengenai permainan yang ingin disertai menggunakan borang yang disediakan mengikut tarikh tutup yang telah ditentukan.

6.3 Pendaftaran Pemain

Semua pemain dikehendaki mendaftar dengan menggunakan Borang Pendaftaran Individu bagi ***melayakkan penyertaan mereka diproses untuk menyertai kejohanan ini dan akan mendapat kad akreditasi*** yang dikeluarkan.

6.3.1 Borang Pendaftaran Individu yang telah lengkap hendaklah bersama Salinan Kad Pekerja Staf berserta 2 keping gambar berukuran passport.

6.4 Pendaftaran Perlawanan

Borang Pendaftaran Perlawanan akan diberikan semasa taklimat Pengurus Pasukan. Pemain yang tidak membawa kad akreditasi semasa perlawanan tidak akan dibenarkan bermain oleh pengadil.

6.5 Yuran Pendaftaran

6.5.1 Setiap pasukan diwajibkan membayar yuran penyertaan sebanyak RM 3,000.00 sebagai pengesahan penyertaan kontinjen.

6.5.2 Yuran mengikut permainan akan dikenakan berdasarkan kepada pengesahan kontinjen melalui borang SUKUM dan mengikut jadual penyertaan permainan seperti perkara 6.0.

7.0 HUKUMAN

7.1 Pasukan yang menarik diri setelah undian dijalankan sedangkan ia telah mengesahkan untuk menyertai akan dikenakan hukuman iaitu tidak dibenarkan mengambil bahagian bagi acara tersebut pada tahun berikutnya.

7.2 Pasukan yang didapati menggunakan khidmat pemain yang tidak layak dari segi kelayakan ***akan digantung selama setahun*** pada tahun berikutnya bagi acara yang terlibat. Pemain

berkenaan tidak boleh mengambil bahagian dalam mana-mana acara pada tahun berikut.

- 7.3 Pasukan yang menarik diri atau menyerah kalah setelah rayuan ditolak atau atas apa sebab sekalipun akan digantung selama setahun bagi permainan tersebut
- 7.4 Mana-mana pemain yang didapati menyerang pengadil atau pemain dan diperintah keluar padang akan digantung bermain sepanjang tempoh kejohanan ini dan akan diminta meninggalkan penginapan kontinjen.

8.0 PENGADIL/REFEREE

Pengadil akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi setiap permainan yang dipertandingkan.

9.0 PAKAIAN PEMAIN

- 9.1 Tiap-tiap pasukan hendaklah memakai pakaian yang mematuhi Peraturan Pakaian jenis permainan berkenaan.
- 9.2 Jika kedua-dua pasukan memakai jersi yang sama warnanya, pasukan yang menjadi tuan rumah tercatat di dalam jadual pertandingan perlu **menukar jersi** yang berlainan warna.
- 9.3 Pemakaian yang sopan dan mengikut etika pemakaian universiti.

10.0 BILANGAN PENYERTAAN

10.1 Acara Berpasukan/Beregu/Regu/Individu

10.1.1 Setiap jenis sukan akan hanya dijalankan apabila disertai oleh sekurang-kurangnya **5 pasukan kontinjen**.

10.1.2 Setiap kontinjen dibenarkan mendaftar **1 pasukan** sahaja.

11.0 SISTEM PERTANDINGAN PERTAMA

11.1 Pusingan Pertama adalah berbentuk liga berkumpulan

11.2 Format peraturan kumpulan adalah berikut:-

JUMLAH PASUKAN	KUMPULAN						
	A	B	C	D	E	F	G
5	Liga satu kumpulan						
6	3	3					
7	3	4					
8	4	4	-	-	-	-	-
9	3	3	3	-	-	-	-
10	3	3	4	-	-	-	-
11	3	4	4	-	-	-	-
12	3	3	3	3	-	-	-
13	3	3	3	4	-	-	-
14	3	3	4	4	-	-	-
15	3	3	3	3	3	-	-
16	3	3	3	3	4	-	-
17	3	3	3	4	4	-	-
18	3	3	3	3	3	3	-
19	3	3	3	3	3	4	-
20	3	3	3	3	4	4	-
21	3	3	3	3	3	3	3

11.3 Ranking/Seeding

11.3.1 Johan dan Naib Johan Kejohanan SUKUM tahun lalu akan diletakkan sebagai pasukan Ranking Pertama dan Kedua.

11.3.2 Ranking Pertama akan diletakkan dalam Kumpulan A manakala Ranking Kedua dalam Kumpulan B.

11.3.3 Pasukan yang tewas dalam Separuh Akhir **tidak diberi Ranking**.

11.3.4 Sekiranya Ranking Pertama atau Kedua tidak menyertai kejohanan kali ini, maka undian kumpulan dibuat secara terbuka.

11.3.5 Bagi permainan yang tidak dijalankan pada SUKUM tahun lalu penentuan kumpulan pasukan dibuat secara undian terbuka.

11.3.6 Penentuan kedudukan dalam kumpulan mengikut pemberian mata dan Peraturan Permainan masing-masing.

- 11.4 Susunan Dalam Kumpulan akan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal mengikut format Peraturan Kumpulan. (Rujuk Peraturan Am 11.2)

12.0 SISTEM PERTANDINGAN PUSINGAN KEDUA

- 12.1 Pusingan Kedua dijalankan secara kalah keluar
- 12.2 Johan dan Naib Johan dari setiap kumpulan layak ke pusingan kedua.
- 12.3 Johan dan Naib Johan kumpulan akan **diundi** dalam format pusingan kedua
- 12.4 Undian pusingan kedua akan dijalankan seperti berikut:-

12.4.1 Johan Kumpulan


- 12.4.1.1 Johan kumpulan A dan B akan diundi secara rawak bagi menentukan kedudukan dibahagian atas atau bawah carta kalah mati pusingan kedua.
- 12.4.1.2 Johan kumpulan lain akan diundi secara rawak dibahagian atas dan bawah carta kalah mati pusingan kedua
- 12.4.1.3 Tempat "Bye" hanya akan diberikan kepada Pasukan Johan sahaja melalui undian.

12.4.2 Naib Johan Kumpulan


- 12.4.2.1 Naib Johan kumpulan akan diundi secara rawak di bahagian atas dan bawah carta kalah mati pusingan kedua.
- 12.4.2.2 Sekiranya Johan kumpulan berada di carta atas maka Naib Johan kumpulan akan diundi di carta bawah kalah mati
- 12.4.2.3 Sekiranya Johan kumpulan berada di carta bawah maka Naib Johan kumpulan akan diundi di carta atas kalah mati

12.5 Format Pusingan Kedua seperti berikut mengikut bilangan kumpulan:-


12.5.1 Format Tiga(3) Kumpulan




12.5.2 Format Empat(4) Kumpulan




12.5.3 Format Lima(5) Kumpulan



12.5.4 Format Enam(6) Kumpulan



12.5.5 Format Tujuh(7) Kumpulan



13.0 PEMENANG

- 13.1** Johan akan menerima Pingat Emas
- 13.2** Naib Johan akan menerima Pingat Perak
- 13.3** Bagi semua acara berpasukan,regu,individu, pasukan dan peserta yang tewas di peringkat separuh akhir akan menerima Pingat Gangsa bersama dan perlawanan tempat ke-3 dan ke-4 tidak akan dijalankan.
- 13.4** Bagi acara olahraga (1500 meter ke atas) hadiah akan diberikan kepada pemenang tempat pertama hingga ke lima.

14.0 KELEWATAN

- 14.1** Borang pendaftaran perlawanan hendaklah diserahkan kepada urusetia 15 minit sebelum masa perlawanan bermula.
- 14.2** Hanya 15 minit kelewatan akan diberi kepada pasukan yang lewat dan selepas itu pihak lawan akan diberi kemenangan percuma mengikut permainan.
- 14.3** Hukuman kelewatan adalah merujuk kepada peraturan permainan berkenaan.

15.0 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 15.1** Sekiranya satu pasukan menarik diri atau menyerah kalah, semua keputusan yang telah diperolehi oleh pasukan tersebut akan dibatalkan.Pasukan berkenaan tidak dibenarkan bertanding seterusnya dan bagi pasukan lawan kemenangan percuma akan diberikan (walk-over) dan mata kemenangan akan mengikut peraturan permainan sukan masing- masing(***Rujuk Peraturan Am 7.3***).
- 15.2** Jika berlaku kecederaan dan pasukan terlibat memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawan maka pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan kecederaan dari doktor rasmi kejohanan.

16.0 GANGGUAN SEMASA PERMAINAN

Sekiranya permainan terpaksa dihentikan berdasarkan kepada sebab-sebab cuaca atau tertangguh atas sebab-sebab tertentu, maka Ketua Pengadil akan membuat keputusan bersama kedua- dua Pengurus Pasukan. Jika keputusan tidak dapat dilakukan maka Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan membuat keputusan. Keputusan adalah **MUKTAMAD**.

Selain itu, apa juga keputusan yang di berikan oleh Pengadil Permainan juga adalah **MUKTAMAD**.

17.0 BANTAHAN

17.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan dan **disahkan** oleh Pegawai Pusat Sukan Universiti / Ketua Kontigen berkenaan dan hendaklah diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal atau wakilnya dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat perlawanan atau mengikut masa yang ditetapkan oleh permainan tersebut dengan disertakan wang tunai sebanyak **RM500.00** (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) sebagai cagaran dan yuran proses.

17.2 Wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan itu ditolak.

17.3 Sekiranya bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan maka wang cagaran sebanyak RM 400.00 sahaja akan dikembalikan dan RM100.00 menjadi yuran proses.

17.4 Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.

17.5 Semua bukti ke atas bantahan perlulah dikemukakan oleh pihak yang membantah kepada Jawatankuasa Bantahan.

17.6 Keputusan Jawatankuasa Bantahan adalah **MUKTAMAD**.

18.0 JAWATANKUASA BANTAHAN

Jawatankuasa bantahan terdiri daripada 5 orang jawatankuasa seperti berikut:

- 18.1** Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKUM atau wakil.
- 18.2** Pengerusi Teknikal Permainan SUKUM atau wakil.
- 18.3** 3 orang pengurus pasukan permainan berkenaan yang berkecuali.

19.0 TINDAKAN TATATERTIB

- 19.1** Sebarang perkara yang melibatkan tindakan tatatertib akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib di bawah sekretariat Induk.
- 19.2** Jawatankuasa Tatatertib terdiri daripada 5 orang seperti berikut:
 - 19.2.1** Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana atau wakil
 - 19.2.2** Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan atau wakil.
 - 19.2.3** 3 orang Ketua Kontinjen yang dinamakan dan berkecuali.

20.0 PEMERIKSAAN PERUBATAN

- 20.1** Adalah menjadi keperluan semua atlit perlu menjalani pemeriksaan perubatan sebelum menyertai SUKUM.

21.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

- 21.1** Peraturan-peraturan di atas hendaklah dipatuhi melainkan jika ada dinyatakan berlainan dalam pertandingan permainan tertentu.

21.2 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan SUKUM dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.

21.3 Sebarang pindaan tambahan atau perubahan peraturan yang ditetapkan **TIDAK DIBENARKAN** semasa Taklimat Pengurus Pasukan

22.0 PERKARA TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak termaktub di dalam peraturan di atas akan ditentukan oleh Pengadil dan Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan di mana keputusan mereka adalah muktamad